

TARIKH	11 / 6 / 2013	SEKSYEN	Setempat
MUKA SURAT	19	RUANGAN	

Tidak ganggu jadual umrah

Kuala Lumpur: Keputusan Kementerian Haji Saudi mengehadkan tempoh visa kepada 14 hari tidak mengganggu jadual perjalanan mengerjakan umrah memandangkan jumlah berkekaan sudah melebihi tempoh keperluan sebenar.

Menteri di Jabatan Perdana Menteri Datuk Seri Jamil Khir Baharom berkata, walaupun jemaah hanya diberi masa 14 hari, namun mereka masih mempunyai baki masa untuk melakukan aktiviti lain ketika di sana.

“Langkah ini dibuat bagi menyekat jumlah di luar kawalan pengunjung pada bulan Ramadhan ditambah pula kerja pembesaran kawasan tawaf Masjidil Haram sedang dilakukan untuk menampung lebih ramai jemaah pada masa akan datang,” katanya.